

# Undur segera dari Iraq

U.M m/s 11 24.2.07

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH  
(WARTAWAN UTUSAN)


**PENULIS** yang berasal dari Amerika Syarikat (AS), Lewis M. Simons dalam bukunya berjudul *Worth Dying For* menulis bahawa kehadiran askar asing di negara jajahan untuk tempoh lama selepas perang banyak mengundang rasa kurang senang di kalangan rakyat tempatan.

Dalam hal ini, Simons yang pernah mendapat hadiah Pulitzer kerana tulisan-tulisannya tentang peperangan mengambil kira apa yang berlaku di Afghanistan, Somalia, Vietnam dan tidak terkecuali Iraq.

Beliau yang juga banyak pengalaman dalam membuat liputan semasa berlaku peperangan berkata, rakyat tempatan di Somalia bangkit menentang askar AS apabila merasakan tentera asing tidak lagi boleh dipercayai sama sekali dalam aspek menjaga keselamatan.

"Lihatlah pula apa yang berlaku di Afghanistan masih banyak saki baki penyokong Al-Qaeda, yang tentunya terdiri daripada kalangan anak watan, bangun menentang askar-askar AS.

"Hal yang sama turut terjadi di Vietnam, di mana pada akhirnya tentera AS keluar dari negara tersebut dalam keadaan memalukan. Semuanya kerana kehadiran tentera asing ini untuk tempoh yang lama sememangnya tidak disenangi," kata Simons.



SEORANG tentera Amerika Syarikat (AS) mengambil kedudukan semasa operasi mencari suspek di kawasan kejiranan tenggara Baghdad sambil diperhatikan oleh dua warga Iraq.

- Reuters

## Pemimpin

Pandangan beliau itu amat berasas sekali. Bayangkan, sejak setahun yang lalu, telah banyak pemimpin negara dunia, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendesak agar tentera AS diundurkan segera dari Iraq.

Semuanya kerana mereka senada bahawa, kehadiran tentera asing untuk tempoh yang lama bukan membantu mengembalikan keamanan sebaliknya menambah huru-hara serta kekacauan.

Dan sebenarnya sejak tahun-tahun kebelakangan ini, desakan supaya AS berundur dari Iraq makin riuh kedengaran.

Tetapi hanya Washington sahaja yang berdolak-dalih dengan bilakah tempoh masa ditetapkan untuk keluar dari negara Teluk yang diganggu pada pagi 20 Mac 2003 itu.

Sebab itulah, perang di Iraq masih berpanjangan. Pergaduhan sesama etnik di situ tidak boleh selesai dan serangan bom kereta dan insiden keganasan lain berputar-putar saban hari terjadi.

Puncanya ialah kehadiran tentera asing, yang diketuai AS ini membuatkan suhu marah rakyat Iraq melonjak.

Banyak sebab kenapa mereka marah dengan kehadiran tentera asing ini dan meminta mereka keluar. Pertamanya, tentera asing tidak memakai hukum-hukum undang-undang keselamatan di negara itu apabila menangani hal-hal keganasan.

"Apabila soal keselamatan berada dalam genggam tentera asing, semua yang menentang mereka adalah salah. Pejuang-pejuang Iraq yang berusaha mahu mengembalikan kedaulatan negara mereka dianggap pemberontak. Ini adalah salah sama sekali," kata Hana Bayaty, seorang warga Iraq yang juga pemberita Al-Manar TV semasa memberi ceramah pada Pameran dan Persidangan Antara-bangsa Jenayah Perang, diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Namun ketika mana dunia sibuk mendesak supaya AS keluar dari Iraq tetapi ia terus berdegil, negara sekutunya pula

## Lihatlah pula apa yang berlaku di Afghanistan masih banyak saki baki penyokong Al-Qaeda, yang tentunya terdiri daripada kalangan anak watan, bangun menentang askar-askar AS

membuat keputusan mengejutkan.

Pada sidang Parlimen kelmarin, Perdana Menteri Britain, Tony Blair mengumumkan bahawa askar Britain akan ditarik keluar secara berperingkat-peringkat dari Iraq bermula April ini.

Kata Blair, jumlah pengurangan askar Britain di Iraq yang akan dibuat adalah sekitar 1,500 hingga 5,000 orang. Di Iraq, askar Britain menjaga soal keselamatan di bahagian selatan negara Teluk itu terutama di Basra.

Askar Britain juga adalah penyumbang tentera asing yang kedua terbesar yang berpangkalan di Iraq.

Pada hari sama, Denmark turut mengumumkan bahawa ia akan menarik keluar hampir semua 450 anggota tenteranya yang berpangkalan di Iraq pada Ogos ini.

Begitu juga Lithuania dan Latvia, yang turut mengambil langkah serupa - sekali gus memberi tamparan kepada AS, yang mengetahui tentera asing di Iraq.

Langkah yang diambil Britain, Denmark, Lithuania, Latvia dan beberapa negara lain sebelum ini iaitu mengurangkan dan menarik keluar jumlah tentera di Iraq adalah bertentangan dengan pengumuman oleh Presiden George W. Bush bahawa AS akan menggembleng 21,500 lagi anggota ke negara Teluk itu untuk menjaga keselamatannya.

Jadi apa rasionalnya Britain mengambil keputusan demikian? Adakah Blair-Bush sudah tidak lagi sehaluan dalam menyelesaikan hal Iraq ini?

"Jangan dilupakan bahawa hubungan Bush-Blair disebabkan politik semata-mata. Britain menyokong AS kerana mahu dipandang kuat.

"Tetapi Britain bukannya jujur menyokong AS, kalau jujur dan sanggup susah senang bersama, kenapa tidak bersama-sama AS mengekalkan tentera di

Iraq," kata penganalisis keselamatan dan pertahanan, Letenan Jeneral (B), Datuk Seri Zaini Mohd. Said ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau yang juga bekas Panglima Medan Tentera Darat berkata, dalam hal ini, Britain perlu juga menjaga reputasi parti Buruh yang memimpin negara itu, lebih-lebih lagi apabila pilihan raya akan diadakan pada bila-bila masa tahun depan.

## Reputasi

Masa, menurut beliau, terlalu suntuk buat Buruh dan Blair memperbaiki reputasi khususnya yang melibatkan polisi luar - dalam hal ini Iraq.

Mereka (Blair dan Buruh) mahu rakyat terus memilih Buruh dan apa yang dilakukan ialah dengan 'melembutkan' sedikit polisi tentang Iraq.

"Dan ini boleh sahaja dilihat dengan keputusan mengundurkan askar mereka dari Iraq bermula April ini. Semuanya berasaskan politik, bukan agenda lain. Ia adalah demi Blair, Buruh dan bakal Perdana Menteri Britain, yang juga daripada parti Buruh," ujar beliau lagi.

Sementara itu, pensyarah Pengajian Arab Moden, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Mohd Hasrul Zakariah pula berkata, sudah terang lagi nyata bahawa tentera asing perlu keluar segera dari Iraq supaya negara itu ditadbir dan dirurus sendiri oleh rakyat tempatan.

Benar, walaupun mereka (tentera asing) keluar, pengaruh mereka masih berkekalan di negara itu.

Dan malangnya pula, tentera Iraq tidak boleh diharapkan dari segi penjagaan aspek keselamatan.

"Ini tidak boleh disalahkan pada rakyat tempatan juga kerana tentera Iraq dilatih oleh askar AS, maka falsafah, taktik,

cara dan bentuk mereka mengawal keselamatan adalah ala-AS juga.

"Dan ini sudah tentu tidak digemari oleh rakyat tempatan yang memandang bahawa mereka ini turut boneka tentera asing," ujar beliau.

Ditanya jika AS akan keluar dari Iraq dalam tempoh terdekat ini, beliau menyokong kenyataan Zaini bahawa Washington tidak akan berbuat demikian.

"Apabila pemilihan 2008 ditentukan, sudah pasti Presiden baru akan membuat keputusan bahawa mereka perlu keluar dari Iraq. Tetapi, buat masa ini, ketika AS ditangan Bush, mereka akan terus di situ," kata Zaini.

"Mereka tidak akan ke mana-mana, tidak juga selepas apa yang dilakukan Britain dan beberapa negara lain yang menarik keluar anggota masing-masing dari Iraq. Walaupun sedikit kesan dari segi keselamatan, mereka tidak akan meninggalkan Iraq," ujar Mohd. Hasrul sambil menambah AS sedaya-upaya cuba menunjukkan bahawa mereka masih boleh menang di Iraq.

Tetapi kalau AS keluar segera, persoalan lain harus diambil kira, contohnya, Iraq tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Pendek kata, tidak boleh ada lompang dalam hal-hal keselamatan di Iraq, dan mesti ada pihak yang perlu bertanggungjawab.

Dalam hal ini, kata Zaini, adalah amat wajar jika tentera antarabangsa memainkan peranan untuk mengambil alih keselamatan di Iraq demi mengembalikan keamanan di situ.

"Tentera antarabangsa ini boleh sahaja terdiri daripada negara-negara Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) kerana sudah pasti mereka ini berkecuali dan tidak berpihak kepada mana-mana pemimpin di Iraq.

"Jikapun mengambil tentera antarabangsa yang cenderung 'menyokong' Barat juga tidak boleh, kerana ini tidak akan membawa kepada keamanan di situ."

Ternyata, jawapan kepada apa yang berlaku di Iraq sekarang ialah apabila masanya AS perlu mengundur diri. Ini penting bukan untuk Iraq sahaja tetapi buat banyak pihak lain.